


PERANG MULUT ARTIS DAN NETIZEN

Beringat sebelum tulis, kritik



SIRI AKHIR

→ Komen melampau beri kesan emosi dikategori buli siber, boleh diheret ke muka pengadilan

EKSKLUSIF!

Oleh Hanisah Selamat dan Farihad Shalla Mahmud
bhhip@bh.com.my

Ush pandang ringan kritikan di laman sosial kerana ia boleh dikategorikan sebagai buli siber apabila memberi kesan kepada emosi, sekali gus mampu mengheret pembuli ke mahkamah. Kaunselor Berdaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata ada beberapa kategori gangguan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang, sama ada secara lisan mahupun fizikal andai lengkap bukti.

Katanya, selebriti yang berasakan diri menjadi mangsa apabila berdepan tekanan melampau, berasa terancam dan hilang fokus hingga terpaksa mendapatkan bantuan pakar, boleh mengajukan bukti bertulis di ruangan komen kepada pihak berkuasa.

"Masyarakat perlu ingat, ada etika dalam bersosial termasuk menerusi medium maya. Kalau sampai adab dan batasan tidak dijaga, hingga berani mencemuh, malah sampai satu tahap berbentuk ugutan, ia sudah melanggar norma.

"Perkara ini jika melampau sudah menjadi buli siber yang masuk ke dalam kategori gangguan kognitif dan emosi. Walaupun artis itu dianggap milik umum, kita juga perlu faham mereka adalah insan yang mempunyai hati dan perasaan serta ada hak asasi.

Tutup ruangan komen tindakan wajar

"Privasi mereka perlu dihormati, malah sebenarnya apa yang kita luahkan di ruangan komen mereka turut mencerminkan gambaran peribadi kita sendiri. Secara sedar, apa yang tertulis di ruangan berkenaan boleh dijadikan bukti untuk menghinakan anak sulungnya, Khaleef Dayan, di laman Instagram miliknya dua tahun lalu.

→ **Tahun lalu**, berikutan geram dan bengang dengan tuduhan peminat di laman sosial, suami kepada penyanyi Nora, iaitu Allahyarham Johan Nawawi, tampil memberikan amaran keras dan bakal mengambil tindakan undang-undang

ke atas pihak yang melemparkan fitnah terhadap beliau dan isteri. **Pelakon terkenal**, Nora Danish, pernah mengeluarkan kenyataan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang pelakon wanita dan juga penulis blog kerana mendakwa kenyataan ditulis mereka di media sosial menjejaskan reputasinya.

"Jadi berhati-hatilah ketika menulis, jangan sampai ia menjejaskan tahap emosi individu lain. Faham mengenai etika sosial, andai benci macam mana pun, sebagai manusia kita perlu berbalik kepada moral," katanya. Bagi kaunselor berpengalaman itu, tidak salah sekiranya sese-

rang selebriti itu menutup ruangan komen atau berehat seketika daripada media sosial ketika berdepan isu panas sekiranya ia boleh memberikan ketenangan kepadanya.

"Seperti orang lain, mereka berhak untuk membuat pilihan. Jika mereka memilih untuk 'bercuti' daripada Instagram, Facebook atau sebagainya, itu hak mereka dan siapa kita untuk melarangnya?"

"Rasanya, ia adalah tindakan bijak kerana andai dibiarkan laman berkenaan disalah guna sebagai medan serangan peribadi, diri mereka sendiri akan terus dibelenggu tekanan," ulasnya.

Mangsa boleh jumpa kaunselor
Ditanya kaedah bagi mengurangkan kemurungan andai berdepan pembuli siber sebegini, katanya, artis berkenaan harus mendapatkan rawatan untuk mengurangkan tekanan emosi dan perasaan.

Akui Fatimah, berbeza dengan selebriti Hollywood yang mendapatkan khidmat kaunselor, selain mempunyai doktor peribadi sendiri, di sini elemen berkenaan belum lagi meluas dalam kalangan personaliti terkenal.

Malah, ada yang salah anggap apabila mengaitkan kaunselor dengan pakar psikiatrik yang kebiasaannya menjurus kepada rawatan mental. Stigma itu menyebabkan ramai berasa segan untuk bertemu kaunselor.

"Stigma seperti itu perlu diubah. Hidup dalam dunia glamor ada *cause and effect*. Mereka memang akan berdepan tekanan sebegini, namun jangan pandang ringan andai berdepan perkara yang membuatkan rutin kehidupan terganggu.

"Dapatkan bantuan segera. Buat seperti di Hollywood. Artis mendapatkan bantuan pakar terapi, iaitu kaunselor, supaya dapat membebaskan diri daripada belenggu tekanan dan trauma," ujarnya.

Netizen taasub komen perlu dapatkan rawatan

Menurut beliau lagi, bagi netizen yang terlampau cenderung memberikan komen berkali-kali pula, mereka sebenarnya turut diulit penyakit obsesi hingga berasa tidak senang duduk jika tak melayangkan kritikan.

Tegasnya, individu seperti itu sewajarnya perlu mendapatkan rawatan kerana sudah melalui fasa

→ **Lihat Ms.64**



Perkara ini jika melampau sudah menjadi buli siber yang masuk ke dalam kategori gangguan kognitif dan emosi"

Siti Fatimah Abdul Ghani,
Kaunselor Berdaftar UPM



Untuk akaun peribadi Siti, Rozi selalunya memberikan nasihat seperti meminta Siti membuat pertimbangan sendiri supaya 'postingnya' nanti tidak mengundang kecaman netizen"

Rozi Abdul Razak,
Peguam



Mereka yang bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000, atau dipenjarakan tidak melebihi setahun atau kedua-duanya"

Rizlan Ghazali,
Peguam

Pesalah boleh dikenakan hukuman denda, penjara

← Dari Ms.63

berdepan ketaasuban terhadap dunia hiburan hingga memberi kesan bukan hanya terhadap selebriti dan orang lain, sebaliknya diri sendiri.

"Kalau sudah terlalu asyik menghentam artis tanpa sebab kerana terlampau seronok dan tertunggu balasan komen, bermakna ada sesuatu yang perlu diambil perhatian.

"Keadaan ini kita panggil sebagai sindrom yang membuatkan seseorang itu tak senang duduk selagi tidak menulis komen di laman sosial artis. Netizen sebegini juga perlu menjalani rawatan.

"Jadi andai tidak mahu diri terkena sindrom ini, anda perlu bijak menggunakan media sosial dan berpada-pada. Jangan terlampau taasub kerana ia boleh memakan diri," katanya.

Hukuman denda sehingga RM50,000

Sementara itu, golongan selebriti atau mana-mana pihak yang berdepan dengan provokasi di media sosial perlu tahu, ada peruntukan di dalam undang-undang yang boleh melindungi diri mereka dan membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Menurut peguam daripada Chin Eng Adlina (Peguambela dan Peguamcara), Rizlan Ghazali, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) memberi kuasa kepada

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk mengambil tindakan terhadap si pelaku.

"Jika sabit kesalahan, pihak yang bertindak menyebarkan kandungan jelik berunsur sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang, menerusi akta berkenaan, mereka boleh dihukum.

"Mereka yang bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000, atau dipenjarakan tidak melebihi setahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan diteruskan selepas sabitan," katanya.

Tambahnya, Seksyen 233, AKM juga menghalang mana-mana pihak untuk menggunakan media sosial sebagai medium untuk menulis komen, permintaan, cadangan atau sebarang komunikasi yang jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, mengugut atau menganiaya orang lain.

Elak perkongsian undang kecaman

Mencegah lebih baik daripada merawat dan formula itu jugalah digunakan syarikat pengurusan artis, Siti Nurhaliza Productions (SNP), yang bertanggungjawab mengawal selia media sosial rasmi penyanyi tersohor, Datuk Seri Siti Nurhaliza.

Peguam kepada penyanyi *Segala Perasaan* itu, Rozi Abdul Razak, berkata untuk mengelakkan perkara berbangkit timbul, segala

urusan muat naik dan juga *posting* dilakukan sendiri oleh kakitangan syarikat terbabit.

"Setiap kakitangan termasuk Siti sendiri mempunyai kata laluan untuk media sosial rasmi dan ia memudahkan kami untuk memuat naik apa saja yang ada kaitan dengan urusan kerja.

"Berikutan itu, kita sering nasihatkan peminat, kalau mahu mewujudkan media sosial untuk Siti, mereka kena letakkan perkataan 'tidak rasmi' pada namanya supaya ia tidak disalah guna dan meninggalkan imej buruk kepada Siti," katanya.

Sebagai pengurus, Rozi turut bertanggungjawab memantau dan memberi nasihat kepada penyanyi itu mengenai apa saja urusan yang memabitkan media sosial rasmi serta akaun peribadinya.

"Biasanya, kita akan jawab jika komen yang ditulis memerlukan penjelasan daripada pihak kami. Bagi komentar yang negatif tetapi membina, kita akan baca dan jadikan ia sebagai panduan ataupun sempadan. Namun, kalau kita tahu niat si penulis itu hanyalah untuk menimbulkan ketegangan, kita akan abaikan.

"Untuk akaun peribadi Siti, Rozi selalunya memberikan nasihat seperti meminta Siti membuat pertimbangan sendiri supaya *postingnya* nanti tidak mengundang kecaman netizen. Biasanya, kalau dirasakan perkongsian itu seperti menunjuk-nunjuk, Rozi akan minta Siti tidak memuat naik perkara terbabit," terangnya.



Siti Nurhaliza

